

05 NOV 2003

ABDULLAH-KABINET/I

TIADA PERUBAHAN DALAM BARISAN KABINET, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tiada pelantikan baru anggota Kabinet atau rombakan Kabinet buat masa ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet mingguan pertamanya selepas mengangkat sumpah sebagai perdana menteri kelima Malaysia, beliau berkata beliau memegang jawatan menteri kewangan yang sebelum ini dipegang oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir bersara sebagai perdana menteri selepas memimpin negara selama 22 tahun.

Abdullah berkata beliau akan menghadiri taklimat di Kementerian Kewangan pada 11 November ini. -- BERNAMA

MKO MAD/MR JR